

21 MAC 2018

Pistol celah pokok sawit

Tiga termasuk lelaki warga Indonesia ditahan bersama ketum

ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

Taktik licik seorang tauke daun ketum menyorokkan pistol di celah pokok kelapa sawit dibongkar polis dalam serbuan di Kemahang 2, Tanah Merah, Jumaat lalu.

Suspek berusia 34 tahun ditahan bersama dua rakan berusia 40 dan 36 tahun juga seorang warga Indonesia.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan berkata, serbuan dilakukan sepasukan Penguat kuasa Risikan Sempadan Batalion 8 Pasukan Gerakan Am,

Pengkalan Chepa pada jam 6 petang.

"Intipan yang dilakukan polis mendapati seorang lelaki masuk ke kawasan dipercayai tempat memproses air ketum dan berlaku pergelutan antara mereka sebelum suspek berjaya ditahan.

"Suspek kemudian menunjukkan pistol jenis Stoeger Cougar 8000 Beretta bersama kelopak dan sarung yang disembunyikan di celah pokok kelapa sawit," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK), semalam.

Beliau berkata, pemeriksaan sebelum itu menjumpai dua peluru hidup NCR 9mm Luger Division dalam beg pinggang yang dipakai suspek utama.

"Berdasarkan soal siasat awal, suspek utama mengaku memperoleh senjata itu dari rakan yang juga warga Thailand dan tidak menolak ber-



Hasanuddin (tengah) bersama pegawai menunjukkan pistol dan ketum yang dirampas daripada suspek.

kemungkinan digunakan untuk jenayah atau dijual di pasaran gelap.

"Siasatan lanjut berhubung motif pemilikan senjata itu, bagaimanapun masih lagi diteruskan polis," katanya.

Hasanuddin berkata, kes terbaru itu menjadikan jumlah rampasan pistol dalam tempoh Januari hingga 20 Mac tahun ini berjumlah 10 pucuk.

"Jumlah itu tidak termasuk pistol angin, se-

mentara tahun sebelum iaitu sepanjang 2017 rampasan berjumlah 18 pucuk, manakala 2016 sebanyak 21 pucuk pistol dirampas sepanjang tahun itu.

"Keseluruhan senjata pistol yang dirampas untuk tem-

info • 10 pistol dirampas dalam masa tiga bulan

poh tiga tahun daripada 2016 hingga sekarang berjumlah 49 pucuk," katanya.

Beliau berkata, dalam serbuan itu, polis turut menemui dua botol dalam anggaran tiga liter cecair kehijauan dipercayai air ketum; tiga botol 300 mililiter ubat batuk dan 800 gram bungkus-an plastik daun ketum bernilai RM100.

"Mereka yang ditahan reman seminggu bermula 17 Mac sehingga 23 Mac ini bagi membantu siasatan.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971; Seksyen 8(a) Akta Senjata Api 1960 dan Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya kepada pemberita.